

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 3 Disember 2020 Bil.10/2020 Ruj: (64)dml.UNISEL/PP/01/05JLD.I

MAKLUMAN KALENDAR AKADEMIK UNISEL BAGI TAHUN 2021, 2022 DAN 2023.

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Kalendar Akademik UNISEL bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 untuk semua peringkat pengajian.

2.0 MAKLUMAN

2.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-188 (Bil. 10/2020) telah meluluskan Kalendar Akademik UNISEL bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 untuk semua peringkat pengajian.

2.2 Bersama ini dilampirkan Kalendar Akademik UNISEL bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 untuk peringkat pengajian seperti di bawah :-

2.2.1 Kalendar Akademik 2021/2022

- a) Kalendar Akademik Program Asas (**Lampiran A1**);
- b) Kalendar Akademik Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pascasiswazah (Secara Kerja Kursus) (**Lampiran A2**);
- c) Kalendar Akademik Pascasiswazah (Secara Penyelidikan) (**Lampiran A3**)

2.2.2 Kalendar Akademik 2022/2023

- a) Kalendar Akademik Program Asas (**Lampiran B1**);
- b) Kalendar Akademik Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pascasiswazah (Secara Kerja Kursus) (**Lampiran B2**);
- c) Kalendar Akademik Pascasiswazah (Secara Penyelidikan) (**Lampiran B3**)

2.2.3 Kalendar Akademik 2023/2024

- a) Kalendar Akademik Program Asas (**Lampiran C1**);
- b) Kalendar Akademik Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pascasiswazah (Secara Kerja Kursus) (**Lampiran C2**);
- c) Kalendar Akademik Pascasiswazah (Secara Penyelidikan) (**Lampiran C3**)

- 2.3 Berdasarkan kalendar tersebut, mana-mana kuliah yang jatuh pada cuti umum haruslah diganti pada hari yang telah dipersetujui oleh pensyarah dan pelajar bagi memastikan jam pertemuan perkuliahan tidak terjejas untuk kursus yang terlibat.
- 2.4 Kalendar Akademik Program Asas (**Lampiran A1, B1 dan C1**) adalah terpakai kepada pelajar antarabangsa yang mendaftar kursus pengajian jangka pendek *Intensive English 1* dan *Intensive English 2*.


3.0 TARIKH KUAT KUASA

- 3.1 Kalendar Akademik UNISEL 2021/2022 bagi Program Pengajian Pascasiswazah (Secara Penyelidikan) berkuat kuasa **mulai Januari 2021**.
- 3.2 Manakala Kalendar Akademik UNISEL 2022/2023 dan Kalendar Akademik UNISEL 2023/2024 program Pengajian Pascasiswazah (Secara Penyelidikan) akan berkuatkuasa **mulai Januari 2022 dan Januari 2023** sekiranya tiada perubahan.
- 3.3 Kalendar Akademik UNISEL 2021/2022 bagi Program Asas, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pengajian Pascasiswazah (Secara Kerja Kursus), berkuat kuasa **mulai April 2021** untuk diguna pakai oleh semua pihak.
- 3.4 Manakala Kalendar Akademik UNISEL 2022/2023 dan Kalendar Akademik UNISEL 2023/2024 bagi Program Asas, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pengajian Pascasiswazah (Secara Kerja Kursus), berkuat kuasa **mulai April 2022 dan April 2023**.
- 3.5 Pihak Universiti berhak meminda, mengubahsuai dan membatalkan Kalendar Akademik Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

Yang benar


HAJAH ROKMAA BINI HAJI MAT
Pendaftar

s.k : Presiden & Naib Canselor
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)
: Bendahari